

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
(PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR)

MENGANJURKAN

Pekan Teater



Zon Cemerlang 1997

DI TAMAN BUDAYA
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR
PADA 3 - 5 OKTOBER, 1997

Tujuan



1.

Menyediakan ruang
dan peluang ke arah
pembangunan
seni teater tanah air.

2.

Melahirkan kumpulan-kumpulan
teater yang mantap dan mempunyai
kepekaan terhadap keperluan persekitaran
serta selaras dengan hasrat pembangunan negara.

3.

Menyediakan ruang perkembangan teater
sebagai suatu media kebudayaan
yang berkesan dengan hasrat
pembangunan negara.

4.

Membangunkan
suatu tradisi
berteater untuk tujuan
pendidikan masyarakat Malaysia.

Cerfanu

Cenderamata dari PKK Negeri Pahang
pada 8 Oktober 1997.

Pentadbiran ASU

Kata-kata aluan
Y.A.B. Menteri Besar Pahang



*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum wth.*

Syukur ke hadirat Illahi kerana Pekan Teater Zon Timur yang bermula pada 3 hingga 5 Oktober ini berjaya dilangsungkan ternyata kerana adanya kesedaran yang mendalam di kalangan kita.

Teater, sebagai suatu wadah seni yang mencorakkan warna-warni intelek, bukan setakat dapat memeriahkan suasana kehidupan manusia tetapi yang lebih utama lagi, menyedarkan manusia. Menerusi teater, manusia sedar peri pentingnya persepakatan dalam kehidupan, di samping setiap manusia diajak mencari nilai terpuji untuk diamalkan.

Semoga nilai-nilai murni yang dapat ditimba daripada Pekan Teater Zon Timur ini memanfaatkan kehidupan kita.

Wabillahi Taufik Walhidayah wth.

(TAN SRI MOHD. KHALIL YAAKOB)

Kata-kata aluan
Y.B. Pengerusi Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan
Negeri Pahang



*Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum wth.*

Pekan Teater Peringkat Zon Timur 1997 yang diadakan di Kuantan kali ini amat bererti, antara lain kerana peluang terbuka luas kepada masyarakat Malaysia, terutama pada peminat dunia seni untuk menjejakkan kaki di bumi Pahang ini. Sementelahan, daya tarikan semasa adalah seni teater dalam bentuk pertandingan, bermakna, kita diajak untuk bersama-sama memanfaatkan nilai-nilai terpuji yang dapat ditanggung menerusi seni teater.

Masyarakat, terutama generasi muda yang bagi sesetengah orang hanya nampak pada aspek-aspek negatif, namun sesungguhnya, generasi pelapis inilah aset kita. Tidak sedikit yang menyertai Pekan Teater terdiri daripada siswasiswi aliran sains dan teknologi, di samping guru-guru pelatih serta individu profesional. Mereka adalah para pemimpin pelapis masyarakat kita kerana ada yang masih menuntut ilmu dan bakal menyambung pengajian di universiti seberang laut dan kemudiannya bergelar teknokrat. Pelas, Pekan Teater Zon Timur ini dapat menambah pengalaman mereka, terutama dalam hubungan memperhalus rasa kemanusiaan masing-masing.

Semoga pesta seumpama ini tidak tinggal setakat pesta, sebaliknya ditafsir sebagai suatu sesi pencarian nilai-nilai murni menerusi pertandingan.

Wabillahi Taufik Walhidayah wth.

(Y.B. DATO' SAHRUDDIN BIN AB. MOHD)



Kata-kata aluan

**Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan,
Kesenian dan Pelancongan Malaysia**



TEATER merupakan salah satu bentuk kesenian yang amat mengembirakan sejak akhir-akhir ini di sini perkembangannya. Melalui PEKAN TEATER yang sudah menjadi acara tahunan, Kementerian ini telah berjaya menarik para penggiat seni dan masyarakat untuk sama-sama mengikutinya. Setiap aktivis yang menyertai PEKAN TEATER, sedaya-upaya memberikan persembahan terbaik bagi membuktikan keupayaan yang dimiliki kumpulan masing-masing.

PEKAN TEATER ini wajar terus berlangsung upaya persembahan teater di negara ini akan menjadi suatu bentuk persembahan yang setanding dengan produksi yang dipersembahkan oleh kumpulan teater dari negara luar. PEKAN TEATER merupakan gelanggang asuhan awal untuk membentuk jati diri setiap kumpulan menerjuni persada teater tanah air dengan lebih tabah lagi.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia akan terus memberi galakan terhadap segala usaha ke arah memartabatkan seni teater tanah air agar berada di tempat yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.


(DATUK ISMAIL ADAM)



Kata-kata aluan

**Setiausaha Bahagian Kebudayaan,
Kementerian Kebudayaan, Kesenian
dan Pelancongan Malaysia**




PEKAN TEATER ZON TIMUR menemukan empat kumpulan terbaik dari empat buah negeri yang terlibat iaitu Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sabah. Kalau sebelum ini, para penggiat teater negeri Sabah secara bersendirian tetapi kali ini, mereka dimaukkan ke peringkat Zon Timur untuk memberi lebih persaingan di pentas pertandingan.

PEKAN TEATER merupakan wadah dan kesempatan terbaik yang boleh digunakan oleh para penggiat teater untuk mempamerkan kebolehan kumpulan masing-masing di hadapan khalayak serta peminat teater. Melalui pertemuan yang sebegini juga, individu dapat menunaskan percam-bahan fikiran untuk sama-sama membangunkan kemurnian teater di negeri ini yang sekali gus mengharumkan perkembangan teater di tanah air.

Kegiatan berteatr di kalangan para aktivis teater di negeri-negeri harus dijadikan landas ke arah pembentukan kumpulan yang mantap dan berwibawa; bukan sekadar untuk mengikuti pertandingan melalui PEKAN TEATER yang diadakan sekali setahun oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.


(HAJI MOHD ARIFF B. YUSOF)
Setiausaha Bahagian Kebudayaan
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan
MALAYSIA



Kata-kata aluan

Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang Darul Makmur

SAYA mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan SELAMAT DATANG kepada para peserta dari Sabah, Kelantan, Terengganu serta Pahang sendiri untuk bertemu dan berhimpun di TAMAN BUDAYA NEGERI bagi me realisasikan PEKAN TEATER ZON TIMUR kali ini.

Inilah kesempatan terbaik untuk bersama-sama memperbaiki diri dan mempamerkan kebolehan masing-masing di pentas teater.

Teater merupakan suatu medium yang boleh dijadikan aktiviti intelek atau bijaksana dan elok untuk membentuk sahsiah diri serta peribadi. Bagi menjayakan sesebuah pementasan, tentunya memerlukan kesatuan hati di kalangan para aktivis. Dengan kesatuan inilah, para ahli sesebuah kumpulan itu boleh bergiat dan menghasilkan karya.

Berama-samalah kita bergabung tenaga demi membina masa depan yang cerah untuk dunia teater tanah air yang tercinta ini.

Sekian, terima kasih.

(CHE KASSIM BIN MAHMUD, A.M.P.)

Ahli Jawatankuasa Pengelola Pekan Teater Peringkat Zon Timur

- 1. Pengerusi:** Encik Che Kassim bin Mahmud
(Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Pahang)
- 2. Pengarah Bersama:** Puan Ramlah binti Amir
(Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Sabah)
 - * Encik Nawawi bin Haji Adil
(Pengarah Kebudayaan Kesenian Terengganu)
 - * Encik Ismail bin Yusof
(Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Kelantan)
- 3. Penyelaras Projek:** Encik Rosnan bin Nordin
(Penolong Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Pahang)
- 4. Pegawai Projek:** Cik Junaidah binti Salleh
(Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia)
- 5. Penolong Setiausaha:** Encik Rahimidin bin Zahari
(Penolong Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Pahang)
- 6. Pengangkutan & penginapan:** Encik Rthduan bin Mohd. Nor
- 7. Makanan & minuman:** Encik Mohd. Fuzi bin Talib
- 8. Pengurus Pentas:** Encik Mohd. Sufian bin Ali
- 9. Teknikal:** Panggung Negara, Kuala Lumpur
- 10. Buku cenderamata:** Encik Daeng Ramliakil & Encik Kamal Baharin
- 11. Publisiti:** Radio Tiga Pahang
 - * Pertubuhan Teater Negeri Pahang (PERTAPA)
 - * Majlis Teater Sabah
 - * Majlis Teater Kelantan
 - * Majlis Teater Terengganu
- 12. Panel Hakim:** Dr. Abd. Samad bin Salleh
 - * Tuan Haji Matari Haji Abd. Rahman
 - * Encik Marzuki Ali @ Azam bin Awang
 - * Cik Rosminah binti Mohd. Tahir
 - * Encik Kamarul A.R.

Aturcara lawatan, rehearsal dan pementasan Pekan Teater Zon Timur 1997

3/10/1997

8.30pg. lawatan ke Muzium Pahang, P. Keladi & infokraf
1.00 - 4.00ptg. para peserta mendaftar pada urus setia
2.00 - 4.00ptg. rehearsal kumpulan KKSM Pulau Tawar (Pahang)
4.00 - 6.00ptg. taklimat
6.00 - 7.00ptg. suai kenal
9.00 - 11.00mlm. pementasan teater *Rekaan Utama (KKSMPT)*

4/10/1997

8.30pg. lawatan kedua (grup Puteri)
9.00 - 1.00ptg. rehearsal kumpulan KASUT (Kelantan)
2.00 - 4.00ptg. rehearsal kumpulan KUSZA (Terengganu)
8.30 - 9.30mlm. pementasan teater *Anak Nazar Tujuh Keramat (KASUT)*
10.00 - 11.00mlm. pementasan teater *Pasrah (KUSZA)*

5/10/1997

8.30pg. lawatan ketiga kumpulan Kasut & Kusza
9.00 - 1.00ptg. rehearsal kumpulan Puteri (Sabah)
2.00 - 6.00ptg. rehearsal majlis perasmian penutup
8.30 - 9.30mlm. pementasan *Bantal Impian (PUTERI)*

Profil kumpulan

KELAB KEBUDAYAAN SEKOLAH MENENGAH PULAU TAWAR

**AHLI JAWATAN KUASA PERTUBUHAN TEATER NEGERI PAHANG
(PERTAPA)**

Penaung: : Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang
Pengerusi : YH Dato' Setiawangsa Dato' Mustaffa bin Abu Bakar
Naib Pengerusi I : Tuan Haji Che Azhar bin Ibrahim
Naib Pengerusi II : Encik Samaruddin bin Buman
Setia usaha kerja : Tuan Asmarawati binti Tuan Noor
Bendahari : Encik Rthduan Mohd. Noor
Ahli jawatan kuasa : Puan Nazilah Haji Idris, Encik Shamsul Bahari Sufar,
: Encik Noorkhari Othman
Ex-officio : Encik Rosnan bin Nordin,
: Pegawai Kebudayaan (Bahagian Penggalakan)
: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Pahang.

Kelab Kebudayaan Sekolah Menengah Pulau Tawar, Pahang

Grup ini ditubuhkan pada tahun 1995 dan pada tahun inilah, menerusi teater *Ana*, menyertai Pekan Teater peringkat Pahang dan pada tahun 1997 ini, dipilih menjadi juara sesudah mementaskan *Rekaan Utama* karya Kala Dewata. Turut dimenangi grup ini adalah Pelakon Lelaki Terbaik, Pengarah Terbaik dan Anugerah Khas Juri untuk lakonan solo.

Tenaga produksi KKSMPT

Pengarah	:	Cik Zapuan Husin
Penolong Pengarah	:	Cik Rohaida
Peran:	:	Watak:
Noorvaiza binti Abdul Hamid	:	Saintis Gelanda
Amran bin Alwi	:	Ketua Pemerintah Gelanda
Raomy Fazli Mustafa	:	Ketua Pemerintah Rakanda
Kamah	:	Pemerintah Sia-sia
Razimah Cik Ramli	:	Saintis Sia-sia

Sinopsis *Rekaan Utama*

Perebutan kuasa para pucuk pimpinan tiga kerajaan, Rakanda, Gelanda dan Sia-sia menjadi pengantar persoalan dalam teater ini. Ironinya, Kerajaan Rakanda kaya raya tetapi tidak memiliki kekuatan, sedangkan Kerajaan Sia-sia kuat tetapi miskin. Gelanda tidak kaya sekali gus miskin. Para saintis ketiga kerajaan tersebut ghairah mencari hala tuju untuk mencipta bahan-bahan pemusnah sebuah kerajaan lain Hasilnya, terciptalah teknologi *Rekaan Utama* yang ampuh sebagai pemusnah pemikiran kreatif manusia.

AHLI JAWATAN KUASA TEMA KELANTAN

Yang Dipertua	: Encik Zainal Abidin Muhammad
Naib Yang Dipertua I	: Puan Khatijah Awang
Naib Yang Dipertua II	: Encik Yusof Ghani
Setia usaha	: Encik Mohd Redzuan Idrus
Penolong Setia usaha	: Encik Ilmin Abdullah
Bendahari	: Encik Zakaria Abdullah
Ahli jawatan kuasa	: Encik Mustafa Jusoh, Encik Ahmad Zawawi Salleh, Encik Hamzah Haji Abdul Hamid, Tuan Haji Ab. Aziz Mahmood, Encik M. Husdaini Mamat, Encik Asri @ Ismail Mahmood, Encik Mat Yudin Mat, Encik Azmi Taib & Puan Rohayah Osman
Pemeriksa kira-kira	: Encik Hasni Husin : Puan Nor Asikin Zakaria

Persatuan Anak Seni Uruk Tara (KASUT)

Persatuan yang beralamat di Gelanggang Seni Jalan Mahmood,
Kota Bharu ini ditubuhkan pada tahun 1994 dan cergas di Kelantan.
Bermula tahun 1995, menyertai Pekan Teater peringkat Kelantan dan
muncul juara tiga tahun berturut-turut menerusi teater-teater

Matinya Seorang Pahlawan (1995), *Seruan Damai* (1996) dan *Anak Nazar Tujuh Keramat* (1997).

Dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian di Kedah serta Johor selain TEMA-TEMA di dua buah negeri tersebut, grup ini mementaskan teater *Matinya Seorang Pahlawan* pada tahun 1996 di Kedah dan dengan teater yang sama di Johor pada tahun 1997.

Antara pendukung watak dan krew dalam pementasan

Anak Nazar Tujuh Keramat karya Kalam Hamidi ialah Hussin Ismail (Khalifah),

Ahmad Zawawi Salleh (Penjaga Keramat), Mohd. Nazeriy Yob (Pen. Khalid),

Sukri Draman (Amir Hamzah), Fadzlisham Hj. Ab. Halim (Syekkul Khalil),

Mohd Noor Harun (Wazir), Razali Halim (Petanda), Mohd. Zailanny Mat Noor (Tawanan 1),

Ab. Malik Hussain (Tawanan 2), Sharifah Norazian Syed Sulaiman (Isteri Khalifah), Anisah Ab. Kadir

(Nurul Ashikin), Che Noor Aini Ab. Rahman (Ibu Amir Hamzah), Hezelin Hussin (Penari), Mohd Fakri

Mohd Kassim (Teknik Lampu), Wan Ahmad Wan Daud & Radzali (Pentas), Norkhairul Anuar Mohd

Noor & Mohd Faizal Said (Efek), Asmahwati Yusof (Kostum) & Nurul Aida Muhd Suhaimi (Hias rupa).

KELAB KEBUDAYAAN DAN KESENIAN KUSZA (KUSZA)

KUSZA ditubuhkan pada tahun 1994

dan aktif dalam dunia teater setelah menyertai Pekan Teater 1996.

Grup ini berjaya menjadi juara peringkat Terengganu (Drama Terbaik dan Pengarah Terbaik) menerusi teater *Jangan Bunuh Rama-rama* karya Dato' Nordin Hassan dan diarahkan oleh Mohd. Fadzli A. Rahman. Pada tahun 1997, BEATER 4K (KUSZA) mementaskan *Pasrah* langsung menjadi juara Pekan Teater peringkat Terengganu. Dua hadiah utama yang dimenangi ialah Pengarah Terbaik (Mohd. Fadzli A. Rahman) dan Drama Terbaik. *Pasrah* dijayakan para pelakon seumpama

Khairoonisya Jaafar, Sushalina Suhairi, Azlinda Husaini, Zurina Mohd Nawi dan Hanif Ab. Hamid, selain krew "D'Unplugged, Fakrul Anwar Othman, Hamizan Ishak, Suhada Azhar, Sabri Ngah, Masli Alias dan Jalaluddin Abdullah.

PERSOALAN PASRAH

Pasrah terisi kisah-kisah pergolakan empat watak yang menimbulkan provokasi atas suatu amanat yang diwarisi zaman berzaman.

Amanat ternyata menjadi bebanan.

Watak-watak tersebut begitu setia.

Namun mereka terumbang-ambing.

Lantas, seorang pendatang cuba menyelesaikan

kekusutan mereka

dengan mendalangi manusia malang

itu. Pengarahnya bersikap sinis di sini.

Watak-watak tersebut kembali pada diri sendiri
berbekalkan keyakinan walaupun ianya tidak begitu bererti.

PENGERAK TEATER, TARI DAN PUISI SABAH (PUTERI)

Kumpulan ini ditubuhkan pada 1 Disember 1989 dan aktif di Sabah. Ada ahlinya memenangi Hadiah Utama dan Sagu hati Pertandingan Menulis Skrip Drama Sebabak Peringkat Kebangsaan anjuran TEMA, Berita Harian dan MAS.

Maskuji Maturon berjaya setelah mengutarakan karyanya, *Tetamu*, diikuti Saikau Adau (Mendiang) yang menghasilkan *Nokta*. Ahli-ahli Puteri aktif

menyertai PEKAN TEATER sejak awal lagi hingga ke hari ini.

Pada tahun 1997 ini, Puteri mendapat penghormatan setelah pilih sebagai Drama Terbaik, selain memenangi hadiah Pengarah Terbaik dan Pelakon Wanita Terbaik, dengan mewakili Sabah ke Pekan Teater Zon Timur. Mereka mementaskan teater bertajuk *Bantal Impian*, karya asal, YUKIO MISHIMA, sasterawan Jepun yang memenangi Nobel Prize (hadiah sastera antara bangsa). Penyair-pelukis Malaysia, Abdul Latif Haji Mohiddin menerjemahkan skrip terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ini ke bahasa Melayu.

Sinopsis *Bantal Impian*

Jiro mencari Kiku, bekas pengasuhnya semata-mata kerana sebiji bantal ajaib milik turun-temurun keluarganya.

Jiro terperangkap dalam jaringan dunia atma jiwa impian.

Jiro ketemu bekas setia usaha ayahnya lantas diserang alnaf dan amarah apabila Si Jelita yang menjelma dalam diri hingga memaksanya berkahwin.

Kepimpinan Jiro tidak diterima kerana dia dianggap pemimpin yang gemar tidur. Dia dihukum minum racun sebagai balasan oleh seorang profesor.

Jiro membunuh bayinya sendiri yang bermuka menyerupai mukanya. Namun, Jiro terselamat daripada kematian.

Watak		Antara perannya
		Peran
Jiro	=	Samsuddin Ibnu Hassan
Kiku dan Si Jelita	=	Salmah Lok
Setia usaha	=	Mardan Asing
Profesor	=	Maskuji Maturon
Si Chaplin	=	Masruh Siadik

Sekilas pandang Kemajuan Teater di Malaysia

PEKAN TEATER yang dipraktikkan

di negara ini bermula pada tahun 1994

sebenarnya bertradisi lanjutan daripada beberapa

episod dunia teater seumpama Teater Pendidikan-TV3, Pestarama dan Ilku-Ilku yang lebih awal. Jika rajin menelusuri sejarah seni teater, ketemulah nama-nama individu agung seawal (Dr.) Shahrom Hussein, Bidin Subari, (Prof.) Mustapha Kamil Yassin (Kala Dewata/Allahyarham), (Dr) SN Dato' Usman Awang, Dato' Nordin Hassan, Hashim Yassin (Allahyarham), Kalam Hamidi, Bidin Subari, Dr. Awang Had Salleh, Dato' Rahim Razali, Ahmad Yatim, Ahmad Tarmimi Serigar, dan SN Dato' A. Samad Said. Di samping itu, dunia teater pernah digemparkan karya-karya Syed Alwi, Dinsman, Mana Sikana, Johan Jaafar, Anwar Ridhwan, Mohd. Ghouse Nasharuddin dan Hatta Azad Khan. Tradisi ber-teater di negara ini digerakkan terus karyawan generasi pelapis, muncul antaranya, Dr. Samad Salleh, Marzuki Ali, Zakaria Ariffin, Rohani Hashim, Matari Abd. Rahman, Sufiat Mukri, Normah Nordin, Awangku Meralli, Mohd. Anwar Ismail, U-wei Haji Saari, A. Wahab Hamzah, Dr. Jamaluddin Osman, Maskuji Maturon, Rosminah Mohd. Tahir, Halimi Mohd. Noor, Rosnan Nordin, Marsli NO, Kamarul A.R, Mustaffa Jusoh, Wan Hanafi Su, Wan Ahmad Ismail, Awang Abdullah dan Siti Noorahim. Usia Pekan Teater baru setahun jagung. Namun, disiplin ini menampilkan cukup banyak nama-nama baru yang individunya begitu giat menampilkan kekuatan semangat pengarah dan lakonan. Namun, barangkali kerana anak-anak muda ini seakan-akan terabal pada sisi kecendekiawanan ilmu teater, Barangkali kerana bahan bacaan relatif sedikit, terjelmalah bukti-bukti pada diri 'teater-teater' tertentu itu ciri-ciri 'mentah'. Persepsi bahawa teater itu merupakan suatu wadah yang menyeronokkan mesti diganti dengan keyakinan yang mantap laltu suatu tanggung jawab Intelek icitu yang mesti dipikul baik pengarah mahupun 'pak pacak', selaln teater wajar 'suci' daripada 'dosa'. Latar belakang mereka berbeza dan yang menariknya, tidak sedikit golongan bella terpelajar ikut serta, terbukti dengan penyertaan para pelajar sains MARA, Institut serta kolej-kolej perguruan. Dunia teater yang cerah sekitar tahun-tahun 1970-an, malap era 1980-an, kini, penghujung 1990-an, kembali diminati khalayak dan mula menyemarakkan idea-idea baru yang boleh menjadi cermin teladan, sekali gus mengenegahkan kaedah pimpinan hati dan sanubari seialn melontarkan idea-idea

berisyarat agar dlkunyah minda

pelbagai pihak - tidak terkecuall

tokoh-tokoh korporat, politikus,

golongan profesional. Benarlah

kata Willam. Shakespeare 500 tahun yang

lalu, seniman pentas atau panggung adalah perakam

sejarah bangsa yang berkeupayaan menglngatkan

bangsanya tentang kesilapan-kesilapan besar yang tidak perlu

diulang-ulang demi kesejahteraan pentas dunia agar terpelihara sentiasa.

MAJLIS PENUTUP PEKAN TEATER ZON TIMUR 1997


Tarikh : 5 Oktober 1997

Masa : 8.30 malam

Tempat : Auditorium Taman Budaya Negeri Pahang,
Jalan Teluk Sisek, Kuantan

- 8.00 malam : Para peserta mengambil tempat.
- 8.10 malam : Ketibaan para jemputan.
- 8.25 malam : Ketibaan YAB Menteri Besar Pahang.
- 8.30 malam : Persembahan Kesenian.
- 9.00 malam : Pementasan *Bantal Impian* Kumpulan Puteri.
- 10.30 malam : Penyampaian Cenderahati.
- 11.00 malam : Jamuan ringan dan bersurai.

GRAF PENYERTAAN PEKAN TEATER 1996 - 1997



MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH
PEKAN TEATER PERINGKAT NEGERI KELANTAN
ANJURAN PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI KELANTAN
MAJLIS TEATER NEGERI KELANTAN
OLEH: YAB: ENCK ISMAIL B. YUSOF
PENGARAH KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI KELANTAN
PADA: 1 HD. JULAI 1997 JAM - 9 09. MCM.





MAJLIS PENUTUP & PENYAMPAIAN HADIAH PEKAN TEATER PERINGKAT NEGERI PAHANG 1997

12 SEPT. 1997



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN MALAYSIA
(PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGERI PAHANG)

BAYAR PELAKON PEMBANTU LELAKI TERBAIK
RINGGIT MALAYSIA DUA RATUS LIMA PULUH SAHAJA RM 250/-



Penghargaan

***** Maafkan kami, sekiranya kesempatan. *****

Kementerian Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Pejabat-pejabat Kebudayaan, Kesihatan dan Pelancongan Malaysia
di Pahang, Kelantan, Terengganu dan Sabah
Pusat-pusat Budaya, Kuala Lumpur
Akademi Bahasa Kebangsaan Pahang, Kuantan
Majlis Liga Regat Pahang, MCA, Kuantan
Majlis Perbandaran Kuantan
Majlis Perbandaran Regat Pahang
Majlis Daerah Regat Pahang
Perubahan Daerah Regat Pahang
Perubahan Daerah Regat Kelantan Darul Naim
Perubahan Daerah Regat Terengganu Darul Iman
Perubahan Daerah Regat Sabah di Marudu Raya
Sekolah Menengah Muzium, Cawara, Pahang
MCA/M

Kampong Melayu, Kelantan

Puteri

Hotel Seri Malaysia, Kuantan

Merida Muzium

Clubs Malaysia

The Store

The New Straits Times

Mal-Net Malaysia

Van Sri / Dana Sri / Dana / Dana

PA-PA

Golongan profesional dan orang perundangan yang sudi lagi khas
menyediakan dan menguruskan kerja-kerja
majlis perbandaran seni teater ini.